



## **TEKS UCAPAN**

**MAJLIS KASIHI PEKEBUN DAN PENYAMPAIAN ZAKAT RISDA**

**YBHG. EN. ABDULLAH BIN ZAINAL  
KETUA PENGARAH RISDA**

**KAMPUNG ORANG ASLI (OA) TANJUNG TUAN, MERSING  
13 DISEMBER 2020 (AHAD)  
9.30 PAGI**

**YB. DATUK DR. ABD. LATIFF AHMAD**

Menteri Pembangunan Luar Bandar

**YBHG. DATUK CHE MURAD SAYANG BIN RAMJAN**

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian  
Pembangunan Luar Bandar (KPLB)

**YBHG. TN. HJ. SOPIAN BIN ABU BAKAR**

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Korporat) RISDA

**YBHG. EN. ALI SABUDDIN BIN ABD. SAMAD**

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA

**YBHG. EN. FAISAL BIN LONG**

Pegarah JAKOA Negeri Johor

**YBRS. EN. MD. NAJIP BIN ISHAK**

Pengarah RISDA Negeri Johor

**Ketua-Ketua Agensi/ Jabatan Negeri dan Daerah**

**Rakan-rakan Media**

**Serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.**

1. Terlebih dahulu saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. di atas limpah dan kurniaNya dapat kita berkumpul di Kampung Orang Asli (OA) Tanjung Tuan, Mersing pada pagi ini bagi sama-sama menjayakan '**Majlis Kasihi Pekebun dan Penyampaian Zakat RISDA**' pada hari ini. Saya mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan setinggi – tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YB Datuk Dr. Abdul Latiff Ahmad, Menteri Pembangunan Luar Bandar atas kesudian menghadiri dan menyempurnakan majlis pada hari ini. Seperti

mana yang kita sedia maklum, sejak menerajui Kementerian Pembangunan Luar Bandar, YB Menteri sendiri telah terlibat dengan banyak program RISDA. Susulan itu, kehadiran YB Menteri pada hari ini amat dinanti-nantikan khususnya oleh masyarakat dan pekebun kecil di Daerah Mersing ini. Saya juga merakamkan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada semua tetamu jemputan, penerima zakat dan pekebun kecil yang hadir bersama – sama memeriahkan majlis pada hari ini.

YB. Datuk dan hadirin sekalian,

2. Majlis Kasih Pekebun yang dilaksanakan pada hari ini merupakan salah satu kempen yang dilaksanakan di peringkat lapangan. Majlis ini tidak lain dan tidak bukan bertujuan membina hubungan akrab Kementerian dan agensi bersama masyarakat luar Bandar dalam memastikan penyampaian perkhidmatan berkesan melalui pelaksanaan aktiviti – aktiviti bersepadu yang lebih fokus dan tersusun. Melalui majlis sebegini juga RISDA dapat menghebahkan informasi pelbagai program pembangunan

dan juga sebagai platform Hari Bertemu Pelanggan untuk menyelesaikan pertanyaan atau isu – isu berkaitan bantuan yang disampaikan RISDA.

3. Justeru, pihak RISDA amat berbesar hati yang mana melalui Majlis ini YB Menteri akan menyampaikan informasi dan penghargaan kepada pekebun kecil melalui beberapa komponen utama dalam program pembangunan RISDA pada tahun ini. Penghargaan yang bakal disampaikan hari ini meliputi projek berimpak tinggi Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) kepada

pekebun kecil Daerah Mersing, Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) dan Skim Insentif Produktiviti Getah (SIPG). Istimewanya hari ini YB Menteri, di bawah projek berimpak tinggi Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET), RISDA Daerah Mersing telah berjaya membangunkan Projek Berkelompok AET Madu Kelulut Orang Asli Pertama di Johor yang dikenali dengan Mersing Itama Honey Villlage yang melibatkan 10 orang peserta. Projek ini dilaksanakan di Kampung Orang Asli Tewowoh Mersing.



YB. Datuk dan hadirin sekalian,

4. Selain penyampaian pelbagai program pembangunan, RISDA juga tidak menagbaikan aspek kebajikan kepada pekebun kecil yang memerlukan. Pada hari ini, RISDA akan mengagihkan zakat melalui Yayasan RISDA (YR) yang telah dilantik oleh RISDA sebagai agen pengagihan zakat korporat RISDA. Untuk makluman YB Menteri dan hadirin sekalian, bayaran zakat korporat ini diperolehi daripada keuntungan hasil ladang RISDA yang

diuruskan oleh RISDA Estates Sdn. Bhd. Bayaran zakat dikemukakan terus kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan sebahagian daripada zakat tersebut dikembalikan semula untuk diagihkan sendiri oleh RISDA kepada kumpulan yang layak mengikut kategori asnaf yang dibenarkan.

5. Pecahan agihan zakat korporat ini akan diagihkan kepada 51 orang asnaf muallaf orang asli Tanjung Tuan, 5 orang asnaf fakir miskin pekebun kecil, 2 buah asnaf fisabilillah masjid dan

surau dan 2 buah asnaf fisabilillah madrasah tahfiz berjumlah keseluruhan RM 66,400. Semoga dengan usaha murni yang dilaksanakan oleh RISDA ini dapat memakmurkan penerima yang memerlukan dan meningkatkan penghayatan serta syiar Islam kepada kita semua.

6. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan jutaan terima kasih kepada kepada YB Datuk Dr. Abdul Latiff Ahmad, Menteri Pembangunan Luar Bandar atas kesudian menghadiri dan

menyempurnakan majlis pada hari ini. Juga ucapan terima kasih kepada semua tetamu jemputan, penerima zakat serta pekebun kecil yang hadir. Tidak ketinggalan juga penghargaan dan terima kasih kepada Pengurusan RISDA Negeri Johor yang telah berusaha untuk menjayakan majlis pada hari ini. Mudah-mudahan apa yang kita laksanakan ini akan sentiasa dipermudahkan dan mendapat keredhaan Allah S.W.T.

Sekian,  
Wabillahi Taufik Walhidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Terima Kasih.